

NGO mahu malukan kerajaan: PM

BH 13 JUN 2001

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, badan bukan kerajaan (NGO) yang kononnya memperjuangkan isu alam sekitar dengan membantah projek empangan hidro elektrik, sebenarnya berniat memalukan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, NGO terbabit juga sanggup menipu rakyat negara ini supaya menentang projek pembangunan kerajaan untuk kebaikan mereka kerana badan terbabit lebih berminat mengekalkan alam sekitar untuk negara kaya.

Beliau berkata, keadaan ini mungkin disebabkan tindakan NGO negara kaya yang menghasut rakyat serta NGO tempatan supaya membantah pembangunan yang ingin dilaksanakan kerajaan untuk kebaikan negara.

“Sebelum mereka dihasut NGO asing, NGO tempatan ini tidak pernah memikirkan soal alam sekitar tetapi sekarang mereka sanggup menafikan hak rakyat senegara me-

reka yang miskin untuk membuktikan mereka tidak ketinggalan berbanding rakan mereka di negara kaya,” katanya pada majlis makan tengah hari sempena Persidangan Ke-enam Minyak dan Gas Asia, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak faham mengapa NGO terbabit membantah pembangunan empangan hidro elektrik di negara miskin yang amat kekurangan sumber tenaga.

Dr Mahathir berkata, mereka tentunya mengetahui tindakan mereka itu sebenarnya hanya menambah kemiskinan rakyat miskin di negara miskin.

“Apakah mereka lebih prihatin mengenai alam sekitar di negara kaya daripada kebajikan rakyat miskin di negara miskin? Apakah mereka mahu rakyat miskin terus kekal miskin?” soal beliau.

Perdana Menteri berkata, walaupun semua pihak perlu mengambil berat mengenai alam sekitar,

tetapi keperihatinan itu tidak wajar sampai ke tahap menjadikan golongan miskin itu lebih miskin.

Beliau berkata, walaupun pembinaan empangan hidro elektrik membabitkan pembersihan hutan dan pemindahan penduduk, ia juga mengekalkan hutan sebagai kawasan tadahan air dan memanfaatkan penduduk yang dibayar pampasan.

“Perlu diingat bahawa projek itu akan memanfaatkan lebih ramai rakyat miskin yang memerlukan tenaga elektrik murah. Di negara miskin, ini akan membantu pertumbuhan ekonomi mereka,” katanya.

Dr Mahathir berkata, tenaga hidro elektrik adalah satu-satunya sumber tenaga yang paling bersih serta berkekalan dan tenaga itu jugalah yang membolehkan negara maju di Hemisfera Utara membangun dengan pantas dan menjadi negara perindustrian.

Bagaimanapun, katanya, pembangunan empangan hidro elektrik kini mendapat tentangan he-

bat kumpulan pencinta alam selain kos pembinaan yang tinggi.

“Malangnya, sebahagian besar projek baru adalah di negara miskin yang mana tenaga hidro adalah sumber tenaga murah untuk keperluan elektrik yang mendesak,” katanya.

Dr Mahathir berkata, jika sesuatu negara tidak dapat membangunkan potensi sumber tenaga hidranya, ia terpaksa beralih kepada minyak, gas dan arang batu untuk menjana elektrik.

Katanya, walaupun kemajuan teknologi membolehkan kesan pencemaran daripada penggunaan minyak, gas dan arang batu dikurangkan, kosnya tinggi dan akhirnya terpaksa ditanggung pengguna yang sudah tentunya ada yang miskin.

“Sebaliknya, negara miskin boleh menjadi kaya hanya dengan membangunkan sumber tenaga hidro dan menjual lebih tenaga elektrik yang dijanakan itu,” katanya.

Perdana Menteri berkata, negara maju patut me-

ngurangkan penggunaan bahan api yang mencemarkan, bukan mengarah negara miskin berbuat demikian kerana ia tidak memberi banyak kesan memandangkan penggunaannya adalah rendah.

Dr Mahathir berkata, pada masa ini dunia menggunakan 77 juta tong minyak sehari selain arang batu dan gas dan jika keadaan ini berterusan sudah tentu suhu alam sekitar akan terus meningkat.

“Lebih banyak pendapatan daripada hasil minyak patut dibelanjakan untuk sumber tenaga alternatif yang tidak mencemarkan dan tidak memanaskan,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia tidak akan menggunakan tenaga nuklear dan berharap negara lain juga tidak akan lagi membina logi tenaga nuklear baru.

“Tenaga nuklear bagaikan jin yang jahat, sekali dilepaskan dari botol ia tidak boleh dijinakkan atau dimasukkan semula,” katanya.